

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengenal pasti tahap kesihatan mental mahasiswa; dan
- (b) adakah terdapat sebarang bentuk perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikologi sosial yang telah disediakan kepada mahasiswa yang memerlukan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Dalam usaha mengenal pasti tahap kesihatan mental pelajar, Kementerian melalui IPT menjalankan saringan kesihatan mental menggunakan pelbagai instrumen. Antaranya adalah dengan menggunakan soal selidik *Depression Anxiety Stress Scale* (DASS). Melalui soal selidik ini, IPT dapat mengenal pasti tahap kesihatan mental pelajar, menyediakan sokongan psikososial dan kaunseling kepada pelajar yang menunjukkan simptom tekanan atau gangguan terhadap kesejahteraan mental.

Di peringkat Kementerian, satu modul Kesihatan Mental Pelajar IPT yang komprehensif telah dibangunkan dengan kerjasama Majlis Kaunseling dan Kerjaya Universiti Awam (MAKUMA) bagi menangani tekanan, kemurungan dan kebimbangan pelajar. Modul ini mengandungi maklumat lengkap berhubung dengan instrumen untuk mengenal pasti tahap kesihatan mental pelajar IPT yang boleh diguna pakai oleh Unit Kaunseling di IPT masing-masing.

Dalam hubungan yang sama, KPT menerusi Unit Kaunseling dan Bimbingan di Universiti Awam turut menyediakan perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial kepada mahasiswa yang terkesan dari segi tekanan emosi atau mental, di mana terdapat hampir 150 kaunselor dan pakar psikologi bersedia untuk membantu pelajar yang memerlukan. Perkhidmatan ini boleh diperolehi secara fizikal di kampus masing-masing, secara dalam talian (e-kaunseling), dan juga dengan menghubungi talian *hotline* (tele-kaunseling).

Dari semasa ke semasa, KPT turut menghebahkan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan agensi atau NGO lain, termasuk perkhidmatan kaunseling dan program cakna kesihatan mental supaya pelajar sedar akan bantuan yang disediakan oleh pihak Kerajaan dan mendapat manfaat sepenuhnya menerusi perkhidmatan dan program yang disediakan.

Sekian, terima kasih.